

LATIHAN MENUKARKAN BAHASA MELAYU KLASIK KEPADA BAHASA MELAYU MODEN
ARAHAN TUGASAN : SERET JAWAPAN KE RUANGAN YANG SESUAI BERDASARKAN SOALAN.

SET 6

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti.
 Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard**
 tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah sudah Kertala Sari berkata-kata demikian itu, maka orang penyuruh daripada Patih Gajah Mada itu pun datanglah. Maka dilihatnya Kertala Sari sedang berkata-kata dengan ibunya seperti laku orang berkelahi. Setelah dilihatnya oleh Kertala Sari orang datang itu, maka kata Kertala Sari kepada orang itu, "Siapa tuan hamba ini?"

Maka kata orang itu, "Manira ini disuruhkan oleh Patih Gajah Mada melihat *pakanira*, sudahkah datang dari Daha atau belumkah, kerana Patih Gajah Mada hendak bertemu dengan manira." Maka Kertala Sari segera mengambil kerisnya lalu berjalan diiringkan oleh orang itu. (8 markah)

CIKGU ROHAIZA OMA

BAHASA MELAYU KLASIK	BAHASA MELAYU STANDARD
orang itu. Setelah sudah Kertala Sari berkata-kata demikian itu, maka orang penyuruh daripada Patih Gajah Mada itu pun datanglah. Maka dilihatnya Kertala Sari sedang berkata-kata dengan ibunya seperti laku orang berkelahi. Setelah dilihatnya oleh Kertala Sari orang datang itu, maka kata Kertala Sari kepada orang itu, "Siapa tuan hamba ini?" Maka kata orang itu, "Manira ini disuruhkan oleh Patih Gajah Mada melihat <i>pakanira</i>, sudahkah datang dari Daha atau belumkah, kerana Patih Gajah Mada hendak bertemu dengan manira." Maka Kertala Sari segera mengambil kerisnya lalu berjalan diiringkan oleh orang itu.	----- ----- ----- ----- ----- ----- ----- ----- ----- -----

 **TIP:** "*Pakanira*" ialah kamu/engkaw.

Lalu/Kemudian kata orang itu/tersebut, "Saya ini disuruh oleh Patih Gajah Mada untuk melihat tuan/kamu, sama ada sudah balik dari Daha atau belum, kerana Patih Gajah Mada hendak bertemu/berjumpa dengan saya/kita."

Kemudian/Lalu Kertala Sari pun segera mengambil/membawa kerisnya lalu berjalan diiringi orang itu.

Sebaik sahaja/Selesai Kertala Sari berkata-kata sedemikian, lalu/kemudian orang suruhan Patih Gajah Mada itu pun datang/

Kemudian dilihatnya Kertala Sari sedang berkata-kata dengan ibunya seperti tingkah laku orang berkelahi/bergaduh/ bertengkar/berbalah.

Setelah dilihat oleh Kertala Sari orang yang datang itu, lalu/ kemudian Kertala Sari bertanya kepada orang itu, "Siapakah tuan hamba ini?"

SET 7

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah datang kepada Patih Gajah Mada, Kertala Sari pun duduk menyembah. Maka kata Patih Gajah Mada, "Hai anakku Kertala Sari, sebab aku menyuruh memanggil anakku ini, kerana pesan bapamu kepada aku, 'Jangan tiada dikasihi anakku ini, kerana bapamu sudahlah mati dengan pekerjaan Seri Betara. Akan sekarang anakku hendak dijadikan penggawa agung.'"

Setelah Kertala Sari mendengar kata Patih Gajah Mada itu, maka Kertala Sari pun terlalu sukacita hatinya, seraya menyembah kaki Patih Gajah Mada. (8 markah)

BAHASA MELAYU KLASIK

Setelah datang kepada Patih Gajah Mada, Kertala Sari pun duduk menyembah.

Maka kata Patih Gajah Mada, "Hai anakku Kertala Sari, sebab aku menyuruh memanggil anakku ini, kerana pesan bapamu kepada aku, 'Jangan tiada dikasihi anakku ini, kerana bapamu sudahlah mati dengan pekerjaan Seri Betara.

Akan sekarang anakku hendak dijadikan penggawa agung."

Setelah Kertala Sari mendengar kata Patih Gajah Mada itu, maka Kertala Sari pun terlalu sukacita hatinya, seraya menyembah kaki Patih Gajah Mada.



TIP: Jawatan "penggawa agung" tidak perlu diubah kerana itulah jawatan pembesar di Majapahit. Penggawa bermaksud ketua.

BAHASA MELAYU STANDARD

Sekarang ini/Oleh itu/Oleh sebab itu anakku/kamu akan dijadikan/dilantik sebagai penggawa agung."

Setelah Kertala Sari mendengar kata-kata Patih Gajah Mada itu, lalu/kemudian kertala Sari pun terlalu/amat/sangat/sungguh sukacita/gembira hatinya, lalu/kemudian menyembah kaki Patih Gajah Mada.

Lalu/Kemudian kata Patih Gajah Mada, "Wahai anakku Kertala Sari, sebab aku menyuruh/memanggil anakku/kamu, kerana pesan bapamu/bapa kamu kepada aku, 'Jangan tidak dikasihi/dipedulikan/diabaikan anakku ini, kerana bapamu telah mati/meninggal dunia kerana/akibat/oleh sebab melaksanakan amanah/tanggungjawab/tugas Seri Betara.

Setelah sampai di hadapan Patih Gajah Mada, Kertala Sari pun duduk menyembah.